

# KEKALKAN KECEMERLANGAN BAHASA MELAYU DALAM PENDIDIKAN

**SEBAGAI** bahasa pengantar, bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan di negara ini. Sudah tentu Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras dan wajib lulus dalam peperiksaan sekolah. Oleh sebab itu, pelbagai kaedah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu dalam kelas supaya pelajar tidak ketinggalan menguasai bahasa ini.

USAHA memperkasakan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan sekolah perlu digembeng secara bersepadu supaya bahasa ini bergerak seiring dengan kepantasan era teknologi maklumat dan komunikasi serta kemajuan negara. Kekuatan bahasa Melayu perlu diperteguh dengan melaksanakan pelbagai aktiviti kebahasaan dan kesusasteraan Melayu supaya bahasa ini terus hidup subur dalam jiwa guru dan pelajar.

Bahasa Melayu diyakini menjadi pelengkap ketamadunan bangsa Melayu sejak zaman-berzaman yang seharusnya dipelihara dengan baiknya supaya bahasa ini terus kekal relevan serta tidak luput ditelan zaman. Bahasa Melayu perlu dipelihara dengan sebaiknya supaya penggunaannya dapat disampaikan dengan lebih sempurna dan berdaya saing dengan bahasa-bahasa lain. Agak menggoreskan hati, apabila bahasa Melayu dituturkan secara sumberono dan tiada kesedaran untuk "mencantikkan" bahasa ini dalam setiap percakapan.

Dalam hal ini, antara guru dengan pelajar, disarankan menggunakan bahasa Melayu yang baik dan betul semasa sesi pengajaran bahasa di sekolah dan diteruskan hingga ke luar sekolah.

Kaedah PdP Bahasa Melayu yang dilaksanakan di sekolah secara berkesan dan menarik minat mampu mendorong pelajar untuk menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik, di samping memupuk minat mereka mencintai bahasa Melayu yang suatu ketika dahulu bahasa ini pernah menjadi bahasa *lingua franca* pedagang dari serata dunia. Banyak maklumat tambahan untuk mempelajari bahasa Melayu dapat dicapai menerusi penggunaan Internet. Jadi, tiada alasan untuk menambahkan ilmu PdP bahasa Melayu.

Pertambahan masa PdP Bahasa Melayu yang diajar oleh guru sedikit banyak memberikan kelebihan kepada pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu dengan lebih luas lagi, di samping pelajar dapat

menumpukan perhatian dengan sebaiknya di bilik darjah.

Untuk merealisasikan falsafah Dasar Pendidikan Kebangsaan, sudah tentu bahasa Melayu perlu kembali berfungsi sebagai bahasa penyatuan bangsa, dihormati dan dimartabatkan sebagai bahasa utama yang diletakkan di tempat yang paling tinggi di negara ini. Yang nyata, bahasa Melayu mengupayakan pelajar untuk saling menguasai bahasa ini dan berbangga dengan jati diri serta acuan sendiri tanpa mengira bangsa dan agama.

Di sinilah letaknya peranan dan tanggungjawab yang perlu digalas oleh setiap guru Bahasa Melayu. Guru merupakan insan yang terbaik yang diharapkan dapat mengerakkan keupayan bahasa ini untuk terus bergerak maju, di samping menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi dalam kalangan pelajar dan guru serta ibu bapa.

Mahu tidak mahu setiap pelajar perlu lulus dalam pelajaran Bahasa Melayu supaya dapat melangkah lebih jauh lagi apabila meninggalkan alam persekolahan nanti. Guru pula perlu dilengkapi dengan ilmu pendidikan Bahasa Melayu yang dapat membantu ke arah kecemerlangan pelajar untuk menguasai Bahasa Melayu. Daripada kegigihan guru mengajar PdP bahasa Melayu tanpa penat lelah, diharapkan akan melahirkan pewaris bangsa yang mencintai Bahasa ibundanya sendiri. **PB**

